

25 MAR 2000

Umno-Pencalonan

SYED HAMID, MUHAMMAD LAYAK BERTANDING NAIB PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Dua lagi calon naib presiden Umno, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhamad Taib hari ini melepasi syarat kelayakan bertanding pada pemilihan parti Mei ini.

Syed Hamid mengumpul 21 pencalonan setakat ini, empat pencalonan melebihi syarat kelayakan 17 pencalonan bagi melayakkan diri bertanding jawatan naib presiden parti.

Beliau memperolehi enam pencalonan lagi daripada 15 bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing. Bahagian-bahagian yang mencalonkan beliau hari ini ialah Jerlun, Padang Serai, Marudu, Yan, Tanjung Aru dan Hulu Terengganu.

Sementara itu, Muhammad, yang juga Naib Presiden Umno, mengumpul 17 pencalonan setakat ini, menepati jumlah kelayakan pencalonan bagi mempertahankan jawatan parti itu.

Muhammad menambah empat lagi pencalonan hari ini, iaitu menerusi bahagian Baling, Kemaman, Merudu dan Rantau Panjang.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad yang kekal dengan 16 pencalonan, masih memerlukan satu lagi pencalonan sementara Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengumpul 15 pencalonan, bertambah lima hari ini, memerlukan dua lagi pencalonan untuk melayakkan diri dalam pertandingan naib presiden parti.

Setakat ini 99 bahagian Umno sudah mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing sejak awal bulan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendapat 15 lagi pencalonan daripada kesemua 15 bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini.

Ini menjadikan jumlah pencalonan untuk jawatan presiden Umno yang diterima oleh Dr Mahathir ialah 98 manakala jumlah pencalonan yang dikumpul oleh Abdullah pula ialah 97.

Bahagian-bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini ialah Baling, Kemaman, Jerlun, Setiu, Besut, Padang Serai, Marudu, Yan, Pasir Puteh, Rantau Panjang, Tanjung Aru, Pendang, Hulu Terengganu, Kuala Nerus dan Merbok.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak kekal sebagai calon pilihan untuk mempertahankan jawatan naib presiden parti dengan mengumpul 93 pencalonan, jumlah tertinggi bagi jawatan naib presiden setakat ini.

Hari ini Najib mendapat 14 pencalonan lagi dan cuma satu bahagian iaitu bahagian Pasir Puteh tidak mencalonkan beliau bagi jawatan parti itu.

Sementara itu, Ketua Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah memperolehi satu lagi pencalonan untuk jawatan naib presiden parti iaitu daripada bahagian Pasir Puteh.

Tengku Razaleigh sehingga ini sudah mendapat satu pencalonan untuk jawatan presiden parti, dua pencalonan untuk jawatan timbalan presiden parti serta empat pencalonan untuk jawatan naib presiden parti.

Calon-calon lain bagi jawatan naib presiden ialah Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, yang setakat ini memperolehi 51 pencalonan, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar (39), Ketua Menteri Sabah Dtuk Osu Sukam (26), Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim (12) dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (2).

-- BERNAMA
AFY AKD